

## **BAYARAN PEMBELIAN BANGUNAN**

**Suruhanjaya Syarikat Malaysia**

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup**

### **Perkara Utama**

- |   |   |
|---|---|
| <p><b>Apa yang diaudit?</b></p> <p><b>Mengapa ia penting untuk diaudit?</b></p> <p><b>Apa yang ditemui Audit?</b></p> <p><b>Apa yang disyorkan Audit?</b></p> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pengauditan terhadap bayaran pembelian empat bangunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019.</li><li>• Untuk menentukan sama ada bayaran pembelian empat bangunan SSM telah dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi terma perjanjian, peraturan kewangan serta manual perolehan yang berkuat kuasa.</li><li>• Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, pembelian bangunan tersebut telah mencapai tujuan untuk digunakan sebagai pejabat dan operasi SSM. Bagaimanapun, terdapat potensi kerugian berjumlah RM1.04 juta bagi nilai 52 petak parkir yang masih belum disediakan.</li><li>• Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:<ul style="list-style-type: none"><li>- SSM perlu memastikan hak SSM terhadap 52 petak parkir di Menara SSM Sarawak dipenuhi oleh syarikat 108378-X dengan segera bagi menarik minat bakal penyewa;</li><li>- SSM perlu lebih teliti dalam penyediaan dan semakan dokumen perjanjian tambahan dengan memastikan butiran penting seperti klausa penyerahan 52 petak parkir oleh syarikat 108378-X dinyatakan dengan jelas dan klausa penalti bagi kelewatian penyerahan 52 petak parkir tersebut dikuatkuasakan; dan</li><li>- SSM perlu memastikan cadangan pembelian semula 52 petak parkir pada harga RM20,000 seunit dalam tempoh 10 tahun oleh syarikat 108378-X dalam perjanjian tambahan dikuatkuasakan bagi menjamin kepentingan SSM.</li></ul></li></ul> |
|---|---|